

AKHBAR : SELANGORKINI

TARIKH : 30 SEPT – 06 OKT 2021

KERATAN AKHBAR

Kualiti Sungai Batang Kali meningkat

SHAH ALAM - Kualiti air Sungai Batang Kali meningkat lebih baik setiap tahun selain tiada gangguan terhadap abstraksi muka sauk bekalan air.

EXCO Alam Sekitar Hee Loy Sian berkata rekod Jabatan Alam Sekitar pada 2014 menunjukkan indeks kualiti air sungai itu dikategori sebagai Kelas II dan kekal sehingga kini.

"Berdasarkan rekod indeks di muka sauk loji rawatan air (LRA) Batang Kali dari 2019 sehingga 2021 di bahagian hilir juga kekal dalam keadaan baik iaitu Kelas II.

"Kualiti air Sungai Batang Kali menunjukkan tren peningkatan yang lebih baik

setiap tahun dan tiada gangguan terhadap muka sauk bekalan air," katanya dalam kenyataan pada 24 September.

Beliau mengulas laporan khas Bernama yang mendakwa Sungai Batang Kali berpotensi menjadi 'sungai mati' ekoran kegiatan akuakultur (Tilapia Merah) selain projek pembangunan lain di kawasan berhampiran sungai tersebut.

Berdasarkan klasifikasi kualiti air sungai, Kelas IIA menetapkan bacaan indeks air antara 85.0 hingga 92.7 iaitu air memerlukan rawatan konvensional manakala Kelas IIB (76.5 hingga 85.0) iaitu air boleh digunakan untuk rekreasi.

Bagi kelas lain seperti berikut:

- Kelas I (Bacaan IKA lebih 92.7) – Dalam keadaan semulajadi
- Kelas III (51.9-76.5) – Air memerlukan rawatan intensif
- Kelas IV (31.0-51.9) – Hanya untuk tujuan pengairan
- Kelas V (Di bawah 31.0) – Air yang tercemar teruk

Loy Sian berkata Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor ada membuat siasatan terhadap isu berkenaan bagi memastikan tiada kesan signifikan kepada kualiti Sungai Batang Kali.

Segera bertindak jika ada pencemaran

SHAH ALAM - Tiada aduan atau gangguan terhadap ekosistem berkaitan premis yang dilesenkan di kawasan Sungai Batang Kali setakat ini.

EXCO Alam Sekitar Hee Loy Sian menegaskan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) membuat pensampelan kualiti air dan memantau pematuhan lesen secara berkala bagi memastikan sungai terpelihara.

"Semakan awal LUAS mendapati premis yang menjalankan aktiviti akuakultur (Tilapia Merah) berkeluasan 0.41 hektar berhampiran Sungai Batang Kali berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Selangor (JPNS).

"Premis telah beroperasi selama 10 ta-

hun dengan anggaran 29 kolam selain mempunyai Lesen Abstraksi Air LUAS yang sah sehingga 31 Disember tahun ini," katanya dalam kenyataan pada 24 September.

Loy Sian juga menjelaskan guna tanah kawasan hutan meliputi 51.7 peratus, diikuti kawasan pertanian (35.67 peratus) berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2019 hingga 2023.

Katanya, ada beberapa kerja tanah membabitkan penternakan, akuakultur, pengorekan dan pencucian pasir, pertanian, perumahan dan eko-pelancongan berikutan kepesatan pembangunan di kawasan Sungai Batang Kali.

Berdasarkan rekod Majlis Daerah Hulu Selangor pada 2016, terdapat tujuh resort dan chalet di kawasan tersebut yang kedudukannya berhampiran Sungai Batang Kali dan Sungai Tamu.

Tambahnya, semua aktiviti lain melibatkan sumber air di kawasan Sungai Batang Kali telah dilesenkan LUAS bawah Peraturan-Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012.

"LUAS juga telah mengeluarkan Kebenaran Bertulis Aktiviti Pengubahan Sumber kepada masing-masing dua aktiviti pengorekan pasir dan naik taraf jambatan serta tebing sungai," katanya.